

Proforma Kursus

- 1) **Kod Kursus** : **CMIE3013**
- 2) **Nama Kursus / Course Title** : **Inovasi Produk dan Keusahawanan I
Product Innovation & Entrepreneurship I**
- 3) **Kredit** : **3**
- 4) **Taraf Kursus** : **Elektif**
- 5) **Sinopsis / Synopsis** :

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar mengaplikasi pengetahuan asas dalam keusahawanan bagi merekabentuk dan membangun produk ataupun perkhidmatan serta mendapatkan pelanggan bagi produk/perkhidmatan tersebut secara kreatif dan berinovasi. Kursus ini dijalankan selama dua semester berturut-turut. Kursus ini disampaikan melalui e-pembelajaran dan perbincangan dalam kelas melibatkan pengenalpastian peluang perniagaan, merekabentuk dan analisis idea, pengenalpastian pelanggan dan pemetaan empati, merekabentuk perniagaan dan prototaip produk/ perkhidmatan. Pelajar akan bekerja dalam kumpulan kecil untuk membangunkan protosep (konsep prototaip) dan prototaip produk/servis yang mereka kenalpasti, dan menyediakan rancangan perniagaan untuk dibentangkan bagi tujuan 'pitching' kepada pelabur. Kursus ini memberi fokus kepada pembelajaran melalui pengalaman. Di akhir kursus ini, pelajar akan mempunyai pengalaman membina syarikat masing-masing dan mengendalikannya. Selain itu, untuk memenuhi keperluan latihan ilmiah, setiap pelajar perlu menulis laporan mengenai perniagaan atau produk yang dibangunkan.

The main objective of this course is to provide students with the opportunity to apply basic knowledge in entrepreneurship to design and develop products or services as well as to get customers for the product/ service creatively and innovatively. This course runs for two consecutive semesters. The course is delivered through e-learning and in-class discussions including business opportunity identification, idea design and analysis, customer identification and empathy mapping, business design and product / service prototype. Students will work in small groups to develop the prototype (prototype concept) and product / service prototype they identify, and provide business plans to present for pitching purposes to investors. This course focuses on learning through experience. At the end of this course, students will have the experience of building their own company and operating it. In addition, to meet the requirements of scientific training, each student must write a report on the business or product being developed.

- 6) **Pra-Keperluan** : **Kursus Asas Keusahawanan & Inovasi (LMCW1022)**
- 7) **Keperluan Kursus⁴⁶ untuk Menduduki Peperiksaan**

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁴⁷ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahkan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

⁴⁶ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain

sepanjang minggu pengkuliah dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁴⁷ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER

8) Rujukan:

Bland, D.J & Osterwalder, A. 2020. Testing Business Ideas. 1st edition. New Jersey: John Wiley & Sons Inc.

Breva, L.P. 2016. Innovating: A Doer's Manifesto for Starting from a Hunch, Prototyping Problems, Scaling Up, and Learning to Be Productively Wrong. Missouri: MIT Press

Byers, T.H., Dorf, R.C., & Nelson, A.J. 2019. *Technology Ventures: From Idea to Enterprise*. 5th edition. New York: McGraw-Hill International.

Osterwalder, A, Pigneur, Y., Bernarda, G. & Smith, A. 2014. *Value proposition Design*. New Jersey: John Wiley & Sons Inc.

Pijl, P.V-D, Lokitz, J. & Solomon, L.K. 2016. Design a Better Business. New Jersey: John Wiley & Sons Inc.

9) Senarai Hasil Pembelajaran Kursus :

- HPK 1** Pelajar mampu menjana idea perniagaan untuk dikormesilkan.
(Students are able to generate business ideas for commercialization)
- HPK 2** Pelajar berkebolehan mengenalpasti ciri-ciri pelanggan ideal dan merangka strategi pemasaran.
(Students have the ability to identify ideal customer characteristics and formulate marketing strategies)
- HPK 3** Pelajar mampu membangunkan cadangan perniagaan produk dan perkhidmatan berasaskan inovasi.
(Students are able to develop business proposal on products and services based on innovation)

10) Pentaksiran:

CMIE3013: Inovasi Produk dan Keusahawanan 1 Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya: <i>At the end of this course, the students should be:</i>		Tahap Taksonomi	HPP*/HPD**	Pemboleh (1) / Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran ⁴⁴				Jumlah Jam Pembelajaran Pelajar, SLT ⁴⁵ (Jam)
						Laporan	Aktiviti Keusahawanan	Pembentangan / Bicara Tuntas	Penilaian Individu	
1.	Berkebolehan menjana idea perniagaan untuk dikormesilkan. <i>Able to generate business ideas for commercialization</i>	A4	HPP2	2	Kuliah interaktif, e-pembelajaran, perbincangan dalam kumpulan, kerja lapangan	5%	10%	5%	10%	36 jam
2.	Berkebolehan mengenalpasti ciri-ciri pelanggan ideal dan merangka strategi pemasaran. <i>Able to identify ideal customer characteristics and formulate marketing strategies</i>	P4	HPP3	2	Kuliah interaktif, e-pembelajaran, perbincangan dalam kumpulan, kerja lapangan	10%	10%		10%	36 jam
3.	Berkebolehan membangunkan cadangan perniagaan produk dan/ atau perkhidmatan berasaskan inovasi. <i>Able to develop business proposal on products and/or services based on innovation</i>	C5	HPP2	2	Kuliah interaktif, e-pembelajaran, perbincangan dalam kumpulan, kerja lapangan	20%		10%	10%	48 jam
JUMLAH MARKAH						35%	20%	15%	30%	
JAM PEMBELAJARAN										120 jam

*Diisi oleh fakulti/Institut **Kursus di Pusat Citra/CESMED perlu dipetakan kepada Hasil Pembelajaran Domain MQF (HPD)

⁴⁸ Had terima untuk peruntukan markah pentaksiran ialah $\pm 5\%$ kecuali sekiranya terdapat percanggahan dengan peruntukan markah yang ditetapkan di dalam Peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda), Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) atau yang setara dengannya.

⁴⁹ Jumlah "jam pembelajaran pelajar" (SLT) adalah anggaran untuk tujuan perancangan penyampaian mengikut HPK dan pensyarah perlu mengembangkan jumlah ini mengikut tajuk kuliah mingguan selama satu semester yang ditawarkan. Had terima untuk masa pembelajaran pelajar yang dibangunkan mengikut tajuk atau minggu ialah ± 0.1 kredit.